

RINGKASAN
PERUTUSAN Y.BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM,
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA SEMPENA PERHIMPUNAN
BULANAN PADA 12 SEPTEMBER 2007 (RABU)

Y. Bhg. Dato' memberi salam, mengucapkan selamat pagi dan selamat sejahtera kepada semua pegawai dan kakitangan yang hadir, seterusnya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya perhimpunan bulanan sekali lagi dapat diadakan.

Y. Bhg. Dato' mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan JAS mengenai kewajipan hadir setiap kali sesi perhimpunan bulanan diadakan. Perhimpunan bulanan merupakan satu program kemestian oleh semua jabatan pada setiap bulan atau dua bulan sekali. Semua pegawai dan kakitangan diwajibkan hadir setiap kali sesi perhimpunan bulanan diadakan.

Y. Bhg. Dato' menegur mengenai sikap segelintir pegawai dan kakitangan JAS yang tidak hadir setiap kali perhimpunan bulanan jabatan diadakan. Justeru, semua pengarah bahagian dikehendaki mengambil rekod kedatangan pegawai dan kakitangan masing-masing setiap kali sesi perhimpunan bulanan diadakan. Pegawai dan kakitangan yang tidak hadir akan dikenakan tindakan.

Y. Bhg. Dato' juga memaklumkan kepada semua yang hadir mengenai arahan kementerian supaya Bilik Kawalan JAS beroperasi 24 jam mulai 3 September 2007. Talian Hotline 1-800-88-2727 akan diaktifkan 24 jam. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Bil 16/2007 pada 26 Ogos 2007

yang lalu. Kakitangan yang bertugas di Bilik Kawalan dikehendaki mengambil dan merekod semua aduan yang diterima. Justeru, bagi memastikan kelancaran pengendalian operasi di Bilik Kawalan, sistem penghawa dingin, lampu, komputer, telefon dan sebagainya perlu sentiasa berkeadaan baik.

Perkara penting yang disentuh oleh Y. Bhg. Dato' ialah mengenai Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006. Laporan tersebut antara lain membangkitkan isu mengenai pembelian barang-barang atau peralatan dengan harga yang tidak munasabah oleh jabatan-jabatan Kerajaan. Sehubungan itu, penelitian dan kajian harga sebenar barang-barang atau peralatan hendaklah dilakukan sebelum proses pembelian dilakukan. Perkara ini perlu diberi perhatian serius. Peruntukan yang diberi setiap tahun perlu diguna dan diurus secara telus dan berhemah bagi mengelakkan penyelewengan wang Kerajaan.

Y. Bhg. Dato' juga mengingatkan semua pegawai dan kakitangan JAS mengenai sambutan Hari Kemerdekaan ke-50. Ramai di kalangan kita masih tidak jelas apakah yang dimaksudkan dengan *Kemerdekaan*. Dalam konteks hari ini, kemerdekaan boleh diertikan sebagai melakukan perubahan diri dari kurang baik kepada lebih baik. Kita hendaklah memerdekakan diri kita dari kurang bersih kepada lebih bersih dan dari kurang ilmu kepada menjadi lebih berilmu. Sebagai anggota JAS, tugas hakiki kita ialah memerdekakan negara dari pencemaran alam sekitar. Sehubungan dengan itu, kita harus bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih cemerlang untuk agama, bangsa dan negara.

Di akhir ucapan, Y. Bhg. Dato' mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan Al- Mubarak kepada semua yang hadir.

12 September 2007 (Rabu)